
KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

JCORP UNJUR PELABURAN RM17.5 BILION DI KIDEX

KULAI, 23 OGOS 2020 – Johor Corporation (JCorp) mengunjurkan nilai pelaburan berjumlah RM17.5 bilion dijangka dibawa masuk ke Kulai Iskandar Data Exchange (KIDEX) di Sedenak, khususnya oleh syarikat berkaitan pengurusan data dan perkomputeran.

Tapak industri seluas 745 ekar ini dimajukan oleh TPM Technopark Sdn Bhd (TPM Technopark), sebuah syarikat milik JCorp dan pembangunan projek ini akan menjadi katalis pertumbuhan industri data dan mengangkat Sedenak sebagai hab pusat data serantau, pada masa depan.

Maklumat ini adalah antara kandungan taklimat JCorp mengenai progres pembangunan KIDEX sempena lawatan kerja YAB Datuk Haji Hasni Mohammad, Menteri Besar Johor ke tapak perindustrian tersebut, hari ini.

Turut hadir pada sesi taklimat itu ialah YB Dato' Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor; barisan EXCO Kerajaan Negeri; Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, YBhg Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim serta wakil beberapa agensi.

YAB Datuk Haji Hasni dimaklumkan, sasaran pelabur di KIDEX adalah kalangan pengusaha industri berkaitan pusat data, perkomputeran awan (*cloud computing*) serta syarikat skala besar yang dijangka menawarkan kira-kira 1,600 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam teknologi maklumat selain kumpulan pekerja separuh mahir dan pekerja sokongan.

KIDEX adalah komponen di dalam pembangunan Kulai Industrial Park (KIP) yang melibatkan kawasan seluas 7,290 ekar. Ia merupakan hab data terkini di Malaysia dan dijangka menarik kalangan pelabur Industri 4.0. Pembangunan yang bercirikan kemampanan dan kelestarian ini akan mempunyai tenaga mesra alam melalui

Ladang Solar (Solar Farm) dan Loji Penghasilan Bersama (*Co-generation Plant*) sebagai sumber tenaga yang lestari.

Dijangka beroperasi sepenuhnya pada 2023, KIDEX berjaya menarik minat pelabur dari dalam dan luar negara, terutamanya China, United Kingdom dan Jepun yang telah datang membuat tinjauan tapak.

KIDEX turut mempunyai kelebihan dari segi sokongan logistik dan penghubungan yang cekap seperti Lebuhraya Plus, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai serta projek laluan Landasan Berkelajuan Tinggi (HSR) selain kedudukan strategik Johor sebagai jiran Singapura.

YAB Menteri Besar juga diberi taklimat oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) berkaitan pembangunan di Kulai.

-Tamat-

| |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Dikeluarkan oleh: Johor Corporation Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Korporat. Tel: 07-219 2692.</p> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|